



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK JOHARI BIN SAPAR,
PENGENDALI STESEN KERETAPI TANAH MELAYU
STESSEN RENGAM, JOHOR.

HANIS ZAHIRAH BINTI HANIFAH

(2019719857)

NURATIKAH BINTI MOHD FAUZI

(2019314917)

SEMESTER MAC-OGOS 2020

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	Muka surat
	Abstrak	i.
	Penghargaan	ii.
	Senarai Abreviasi	iii.
	Senarai Singkatan	iv.
	Rujukan Kata	v.-vi.
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5-6
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	7
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	8
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Pengangkutan Awam	9-10
	4.2 Keretapi Tanah Melayu Berhad	11-13
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	14-96
6.0	Log Temubual	97-107
7.0	Ralat	108
8.0	Glosari	109-110
9.0	Indeks	111
10.0	Bibliografi	112
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	113
	11.2 Surat Perjanjian	114
	11.3 Senarai Soalan	115
	11.4 Diari Penyelidikan	116-121

ABSTRAK

Wawancara bersama Encik Johari Bin Sapar ini dekendalikan oleh Hanis Zahirah Binti Haifah dan Nuratikah Binti Mohd Fauzi, Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat, Pengurusan Rekod (IM246) semester 5 fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Kampus Segamat, Johor Bahru. Transkrip ini disediakan mengikut temubual yang telah dijalankan bersama Encik Johari Bin Sapar mengenai pengalaman hidup sebagai seorang pengendali stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad di Renggam Johor Bahru. Beliau menceritakan tentang biodata, latar belakang pendidikan, pekerjaan awal dan pengalaman bekerja dalam mengendali stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad. Kajian sejarah ini bukan sahaja melalui Encik Johari sendiri, malah ianya juga turut diperolehi dari sumber yang berbeza bagi melihat sejauh mana kepentingan dan sumbangan Keretapi Tanah Melayu di Malaysia. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan dapat mengetahui lebih lanjut dan mendalam tentang Keretapi tanah Melayu Berhad.

Kata Kunci: Johari Bin Sapar, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Stesen Renggam, Landasan keretapi, Peristiwa stesen.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kami kehadiran Illahi atas limpah dan kurnianya kami dapat menyelesaikan projek sejarah lisan ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga ingin kami ucapkan kepada Encik Johari bin Sapar kerana sudi untuk menjadi responden kami bagi projek sejarah lisan ini.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Siti Noorsiah binti Jamaluddin selaku pensyarah bagi subjek Pendokumentasian Lisan (IMR604) kerana tunjuk ajar dan bimbingan daripada beliau, kami iaitu Hanis Zahirah binti Hanifah dan Nuratikah binti Mohd Fauzi dapat menghasilkan sebuah transkrip temubual dengan jayanya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan kami atas sokongan dan pandangan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses pembikinan transkrip ini selesai.

Akhir sekali, ucapan kepada kedua ibubapa kami dan semua ahli keluarga kami atas sokongan dan memahami keadaan yang kami tempuh suka dan duka ketika itu. Diharap agar hasil transkrip ini dapat memberi sedikit sebanyak maklumat yang berguna kepada pembaca dan juga memberi manfaat kepada setiap individu di masa hadapan.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GCE	General Certificate of Education
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPM	Jabatan Pengangkutan Awam
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
MOT	Kementerian Pengangkutan Malaysia
MYRA	Malay Railway Academic
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SPAD	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TSR	Train and Signal Record
UM	Universiti Malaya
VIP	Very Important Person